

Sejarah Pembangunan Muzium di Malaysia Berdasarkan Aktiviti Arkeologi Serta Peranannya Pada Masa Kini

The Historical Development of Museums in Malaysia Based on Archaeological Activities and Their Contemporary Role

Norhidayahti Muztaza^{1*}, Goh Hsiao Mei², Velat Bujeng¹ & Stephen Chia¹

¹Centre for Global Archaeological Research, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, MALAYSIA

²BHP South Australia, AUSTRALIA

*Corresponding author: norhidayahtimuztaza@gmail.com

Abstrak

Latar belakang pembangunan muzium yang berlangsung di Eropah bermula dengan kewujudan konsep atau amalan seperti *'The Cabinet of Curiosity'* menjadi asas kepada kewujudan muzium moden. Muzium arkeologi pula mula berkembang pada kurun ke-19 dan berperanan sebagai institusi untuk mengumpulkan dan mendokumentasikan objek berdasarkan zaman dan budaya. Peranan ini turut dikaitkan dengan pembentukan identiti negara bangsa, iaitu apabila penemuan arkeologi digunakan untuk membuktikan kesamaan warisan dan mewujudkan naratif sejarah yang mengesahkan kewujudan negara dalam konteks geografi moden. Di Malaysia, pembangunan muzium yang dimulakan oleh pihak kolonial adalah berkesinambungan daripada pengaruh perkembangan pembangunan muzium di Eropah. Di samping itu, penelitian ke atas kebanyakan penerbitan lalu menunjukkan bahawa pembangunan dan perkembangan muzium di Malaysia berkait rapat dengan aktiviti antikuiti dan penyelidikan arkeologi. Justeru, bagi memahami hubungan antara aktiviti antikuiti awal dan penyelidikan arkeologi dengan sejarah permuziuman di Malaysia, maka penulisan makalah ini dihasilkan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan ini merangkumi analisis ke atas sumber sekunder melibatkan penerbitan terdahulu dan terkini, serta temu bual bersama pengamal muzium untuk mengetahui peranan muzium di Malaysia dalam konteks arkeologi, khususnya selepas penubuhan Jabatan Warisan Negara. Penulisan makalah ini diharap akan menyumbang kepada perbincangan yang lebih berfokus mengenai peranan institusi muzium dalam bidang arkeologi di Malaysia berbanding penerbitan lalu.

Kata kunci: pembangunan muzium, muzium arkeologi, identiti negara, aktiviti antikuiti penyelidikan arkeologi, Malaysia, Jabatan Warisan Negara

Abstract

The background of museum development in Europe began with the emergence of concepts or practices such as 'The Cabinet of Curiosity', which formed the foundation for the establishment of modern museums. Archaeological museums, meanwhile, began to develop in the 19th century, serving as institutions to collect and document objects based on periods and cultures. This role is also associated with the formation of national identities, where archaeological discoveries were used to demonstrate shared heritage and create historical narratives that

legitimised the existence of nations within the context of modern geography. In Malaysia, the development of museums initiated by the colonial authorities was a continuation of the influence of museum development in Europe. Additionally, studies of past publications indicate that the development and progress of museums in Malaysia are closely linked to antiquarian activities and archaeological research. Therefore, to understand the relationship between early antiquarian activities, archaeological research, and the history of museology in Malaysia, this paper adopts a qualitative approach. This approach encompasses an analysis of secondary sources, including past and recent publications, as well as interviews with museum practitioners to understand the role of museums in Malaysia in the context of archaeology, particularly after the establishment of the National Heritage Department. It is hoped that this paper will contribute to a more focused discussion on the role of museum institutions in the field of archaeology in Malaysia compared to previous publications.

Keywords: museum development, archaeological museums, national identity antiquarian activities, archaeological research, Malaysia, National Heritage Department

Pengenalan

Muzium diiktiraf sebagai sebuah institusi yang menghubungkan arkeologi dengan masyarakat apabila penubuhan awal muzium di negara-negara Eropah merupakan hasil daripada aktiviti antikuiti (Barker 2010). Sejak awal penubuhannya, muzium berperanan untuk mengumpul, memelihara dan menyelidik objek atau budaya material, agama dan sejarah untuk mempersembahkannya kepada masyarakat umum bagi tujuan pendidikan dan hiburan (Hooper-Greenhill 2007). Muzium juga berperanan untuk mempromosikan kesedaran budaya di samping mendidik pengunjung melalui interpretasi terhadap koleksi objek yang dipamerkan (Parezo 1987). Jenis muzium diklasifikasikan berdasarkan kepada koleksi yang dipamerkan antaranya muzium sejarah, muzium kesenian, muzium sejarah semulajadi serta muzium sains dan teknologi (Abu Talib, 2015). Klasifikasi tersebut kemudiannya dibahagikan kepada jenis atau tema yang lebih spesifik antaranya sejarah tempatan, muzik, warisan budaya tempatan (termasuk arkeologi), sejarah maritim dan sebagainya (Abu Talib 2015).

Di Malaysia, pembangunan muzium merupakan kesinambungan daripada pengaruh perkembangan muzium di Eropah (Abu Talib 2015). Pihak kolonial telah membawa masuk konsep muzium moden dengan mengambil inspirasi, struktur, dan model operasi daripada institusi muzium di Eropah untuk diamalkan di negara ini, sekali gus menjadikan muzium sebagai ‘produk kolonial’ (Mohd Syafiq et al. 2022). Di samping pengaruh daripada Eropah yang membawa kepada kepada idea penubuhan muzium di Malaysia, sejarah pembangunan muzium di negara ini juga dilihat berkait rapat dengan aktiviti antikuiti awal dan penyelidikan arkeologi. Aktiviti antikuiti awal merujuk kepada amalan yang dilakukan oleh golongan antiquarians (*antiquarians*), iaitu individu dengan minat terhadap objek purba, yang melakukan aktiviti mengumpul, menginterpretasi dan memelihara objek purba bagi memahami masa lalu. Aktiviti ini merupakan akar umbi kepada kewujudan bidang arkeologi iaitu suatu bidang kajian mengenai budaya manusia masa lalu dengan kaedah penyelidikan yang lebih sistematik serta bersifat saintifik (Williams 2017).

Dalam konteks yang sama, pembangunan dan perkembangan institusi permuziuman di Tanah Melayu (merujuk kepada Semenanjung Malaysia sebelum pembentukan negara Malaysia pada 1963), Sarawak serta Sabah juga mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Di samping itu, jabatan permuziuman di wilayah-wilayah tersebut mempunyai peranan masing-masing terhadap pengurusan warisan arkeologi negara pada masa kini, terutamanya selepas penubuhan Jabatan Warisan Negara pada tahun 2006.

Justeru, konteks perbincangan dalam makalah ini akan menyentuh kepada tiga skop utama. Bahagian pertama makalah ini membincangkan mengenai latar belakang pembangunan dan perkembangan muzium serta muzium arkeologi berdasarkan konteks global serta definisinya. Bahagian ini turut menyentuh mengenai definisi muzium berdasarkan perspektif di Malaysia, serta tumpuan khusus terhadap muzium arkeologi di negara ini. Bahagian kedua akan membincangkan mengenai asal usul konsep muzium di Malaysia sejak era pemerintahan Kesultanan Melayu sehingga bermulanya aktiviti antikuiti dan penyelidikan arkeologi sejak zaman kolonialisme sehingga pasca merdeka. Perbincangan ini turut merangkumi pengaruh daripada aktiviti tersebut terhadap pembangunan dan perkembangan institusi permuziuman di Tanah Melayu (Semenanjung Malaysia), Sabah dan Sarawak. Bahagian ketiga pula menyentuh secara ringkas mengenai peranan dan penglibatan muzium-muzium di Malaysia dengan warisan arkeologi selepas penubuhan Jabatan Warisan Negara.

Permasalahan dan Objektif

Kebanyakan penerbitan lalu yang membincangkan mengenai arkeologi di Malaysia adalah melibatkan skop perbincangan tentang aktiviti antikuiti dan penyelidikan arkeologi yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu sama ada daripada kalangan pegawai kolonial, kakitangan muzium dan penyelidik tempatan (Adi Haji Taha 1987; Ahmad Hakimi 1992; Chia 2003; 2017; 2016; 2018; Leong 1980; Nur Auni Ugong 2018; Suresh et al. 2020; Yunus Sauman @ Sabin & Wan Noorlizawati 2010; Zainuddin & Nelly 2019; Zuraina Majid 2003; Zainuddin & Nelly 2019). Sehubungan itu, penelitian ke atas penerbitan-penerbitan tersebut menunjukkan bahawa pembangunan dan perkembangan muzium di Malaysia mempunyai latar belakang yang berkait rapat dengan aktiviti antikuiti dan penyelidikan arkeologi. Justeru, institusi permuziuman dilihat telah memainkan peranan penting dalam bidang arkeologi di Malaysia. Oleh sebab itu, makalah ini bertumpu kepada persoalan utama tentang cara pengaruh aktiviti antikuiti awal membawa kepada penubuhan muzium pertama di Malaysia, serta penglibatan muzium dalam bidang arkeologi di negara ini. Melalui persoalan tersebut, makalah ini bertujuan untuk memberikan pemahaman tentang hubungan antara aktiviti antikuiti awal, penyelidikan arkeologi dan perkembangan sejarah permuziuman di Malaysia. Namun, bagi memahami amalan dan peranan muzium di Malaysia dalam konteks arkeologi dengan lebih mendalam, analisis perlu dimulakan dengan meneliti pembangunan dan konsep muzium berdasarkan perspektif global terlebih dahulu. Hal ini demikian kerana pembangunan muzium di Malaysia juga adalah berkesinambungan daripada konsep dan tradisi muzium di Eropah yang menjadi pencetus kepada amalan permuziuman moden (Abu Talib 2015; Dellios 1999; Mohd Syafiq et al. 2022). Oleh sebab itu, makalah ini diharap akan menyumbang kepada perbincangan yang lebih berfokus mengenai peranan institusi muzium dalam bidang arkeologi di Malaysia berbanding penerbitan lalu.

Metodologi

Makalah ini merupakan sebuah penulisan berbentuk perbincangan yang menggunakan metodologi penyelidikan disiplin sejarah bagi menganalisis pembangunan dan perkembangan muzium di Malaysia berdasarkan aktiviti antikuiti dan arkeologi dalam konteks sejarah dan semasa. Justeru, pendekatan kualitatif dengan kaedah ke perpustakaan diguna pakai, dengan merujuk kepada sumber sekunder melibatkan penerbitan terdahulu dan terkini. Selain itu, pendekatan kualitatif turut melibatkan temu bual bersama pengamal muzium bagi memperoleh maklumat tambahan untuk memahami penglibatan muzium dalam penyelidikan arkeologi di Malaysia pada masa kini. Skop masa yang dibincangkan bermula pada tahun 1860 iaitu berdasarkan aktiviti antikuiti awal di Lembah Bujang, Kedah yang membawa kepada

penubuhan muzium pertama di Tanah Melayu pada tahun 1883, sehingga mutakhir ini iaitu merujuk kepada peranan muzium dengan arkeologi pada masa kini.

Muzium dan Muzium Arkeologi: Latar Belakang Pembangunan dan Definisi

Muzium merupakan sebahagian daripada identiti sesebuah bangsa dan negara (McLean 1998). Terdapat pelbagai jenis atau tema muzium bergantung kepada jenis koleksi yang dipamerkan antaranya muzium sejarah, muzium arkeologi, muzium sejarah semulajadi (*natural history museum*), dan muzium sains dan teknologi. Di dalam muzium, pelbagai koleksi objek menarik dan bernilai yang mewakili garis masa sesuatu periodisasi dipamerkan, dan disertakan dengan maklumat berkaitan objek tersebut (Badrul & Zuraimi 2007). Bahagian ini akan membincangkan mengenai latar belakang pembangunan muzium dan muzium arkeologi dalam konteks global termasuk definisi bagi kedua-duanya, dan seterusnya menyentuh mengenai definisi muzium berdasarkan perspektif di Malaysia. Perbincangan turut menyenaraikan muzium-muzium arkeologi di Malaysia.

Muzium

Penubuhan muzium yang pertama di dunia adalah *Museum of Alexandria* yang dibina di Mesir pada tahun 280 Sebelum Masihi. Istilah muzium berasal daripada perkataan Yunani iaitu '*musaeum*' yang diterjemahkan sebagai '*seat of the Muses*' atau "tempat suci yang dapat menghiburkan pengunjungnya" (Abt 2006; Findlen 2019). Pada zaman tersebut, muzium merujuk kepada nama sembilan Dewi Muses, manakala anak-anak Muses pula melambangkan ilmu dan kesenian. Tujuan penubuhan muzium adalah sebagai institusi falsafah serta tempat untuk menjaga hal-hal berkaitan sejarah dan epik, kesenian (lirik, syair dan tarian), astronomi serta keagamaan. Muzium juga dianggap sebagai tempat yang suci di samping menjadi tempat untuk mempamerkan hasil kerja seni rakyat yang mempunyai kaitan dengan peristiwa lampau (Abt 2006; Findlen 2019).

Semasa zaman *Renaissance* (kelahiran semula) sekitar kurun ke-14 hingga ke-17, perkembangan dalam ilmu falsafah, sastera serta seni klasik telah membawa kepada perubahan dalam pelbagai bidang antaranya politik, sosial, ekonomi dan budaya sehingga menyaksikan persaingan kuasa-kuasa Barat dalam perluasan empayar, dan bermulanya amalan kolonialisme ke atas wilayah yang ditemui (Mohd Syafiq et al. 2022). Penerokaan ke atas wilayah yang dijajah dengan tujuan untuk mengaut kekayaan hasil bumi pada masa yang sama juga telah mencetuskan minat mereka untuk mengkaji masyarakat peribumi melalui penemuan-penemuan antikuity (barang purba). Pengumpulan koleksi antikuity tersebut telah menjadi pencetus kepada kewujudan '*The Cabinet of Curiosity*' yang merupakan pelopor kepada kewujudan muzium moden. Selain koleksi antikuity, spesimen flora dan fauna daripada wilayah jajahan akan dibawa balik ke negara mereka untuk dikumpul, serta dipamerkan sebagai lambang kemegahan terhadap bukti penerokaan dan penaklukan mereka terhadap wilayah jajahan yang dianggap primitif. Koleksi '*The Cabinet of Curiosity*' yang bersifat unik, pelik atau jarang ditemui juga melambangkan status sosial dan kekayaan pemiliknya. Walau bagaimanapun, amalan '*The Cabinet of Curiosity*' adalah lebih bersifat privasi kerana pemilikannya adalah berdasarkan kepada hobi atau keinginan untuk mempelajari ilmu dunia, berbeza dengan konsep muzium moden yang bersifat terbuka (Mohd Syafiq et al. 2022).

Kurun ke-18 yang dikenali sebagai zaman *Enlightenment* (Pencerahan) pula menyaksikan pergerakan intelektual yang mula mengubah persepsi terhadap kewujudan '*The Cabinet of Curiosity*'. Pemilikan '*The Cabinet of Curiosity*' oleh kebanyakan golongan elit telah dikritik oleh sebilangan sarjana, dianggap lapuk, serta tidak memberikan manfaat dan keuntungan kepada sesiapa termasuk masyarakat umum, tetapi hanya untuk kepuasan pemiliknya sahaja. Di samping itu, terdapat kelemahan dalam aspek pengurusan koleksi yang

dilihat tidak sistematik dan bercampur baur. Hal ini menjadi permulaan terhadap kewujudan institusi muzium berdasarkan kepada cadangan oleh Steven Mullaney menerusi bukunya *The Place of the Stage*. Beliau menyarankan agar suatu sistem pengurusan yang teratur diwujudkan, di samping menyertakan penceritaan di sebalik objek yang dipamerkan agar pengunjung dapat melihat, menghayati, memahami dan belajar daripada objek tersebut (Mohd Syafiq et al. 2022). Muzium British menjadi muzium moden yang pertama dibangunkan pada tahun 1759 yang bersifat terbuka kepada pelbagai kelas sosial dan peringkat umur (Mohd Syafiq et al. 2022). Kurun ke-19 menyaksikan kepesatan pembangunan muzium terutamanya di benua Eropah, termasuk di negara-negara jajahan kolonial sehingga mewujudkan disiplin keilmuan baru iaitu bidang permuziuman atau dikenali dengan istilah ‘museologi’. Bidang ini memfokuskan kepada pelbagai aspek sama ada secara teori dan praktikal yang berkaitan pengurusan dalam institusi permuziuman serta pendidikan muzium (Mohd Syafiq et al. 2022).

Daripada segi definisi, Majlis Muzium Antarabangsa atau ‘*International Council of Museums*’ (ICOM) telah menggariskan fungsi muzium sejak 2007 sebagai ‘institusi yang bersifat kekal dan tidak berkeuntungan (*non-profit institution*) dalam menyediakan khidmat kepada masyarakat dan pembangunan masyarakat, terbuka kepada umum dan berperanan untuk memperoleh (*acquires*), memelihara (*conserves*), menyelidik (*research*), berkomunikasi (*communicates*) dan mempamer (*exhibits*) sebarang bukti material manusia dan persekitarannya untuk tujuan pendidikan dan keseronokan (*enjoyment*)’ (ICOM 2007). Berdasarkan definisi tersebut, muzium mempunyai peranan yang jelas dalam menjalankan penyelidikan, mengumpul, serta memelihara sebarang koleksi bernilai dan mempamerkannya kepada masyarakat awam untuk tujuan pendidikan. Frasa ‘keseronokan’ yang turut dimasukkan dalam definisi muzium oleh ICOM jelas menunjukkan bahawa elemen keseronokan tidak seharusnya diabaikan dalam proses penyampaian maklumat kepada umum.

Asas kepada kewujudan muzium adalah pengumpulan koleksi, di samping hubungan dua hala yang melibatkan peranan muzium yang menguruskan serta memberikan terjemahan (interpretasi) terhadap sesuatu koleksi yang dipamerkan, serta masyarakat umum (pengunjung) yang memberi tindak balas (respons) terhadap koleksi tersebut (Swain 2007). Kenyataan Swain (2007) mengenai hubungan dua hala antara muzium dengan pengunjung menunjukkan perkaitan dengan definisi muzium oleh ICOM melalui frasa ‘berkomunikasi’, ‘mempamer’ dan ‘keseronokan’. Dalam konteks ini, peranan muzium bukan sekadar ‘berkomunikasi’ dengan pengunjung dalam proses pendidikan dan penyampaian maklumat melalui ‘pameran’ koleksi semata-mata. Hal ini demikian kerana objektif muzium adalah untuk memastikan pengunjung memperoleh input yang berkesan hasil daripada lawatan ke muzium, sesuai dengan peranan muzium sebagai sebuah institusi pendidikan. Objektif tersebut boleh dicapai melalui pelbagai kaedah dan praktis yang diamalkan oleh muzium tanpa mengabaikan elemen ‘keseronokan’.

Paling terkini iaitu pada tahun 2022, ICOM telah meluluskan cadangan terhadap definisi yang baharu bagi muzium bersempena dengan persidangan yang diadakan di Prague pada 24 Ogos 2022. Definisi baharu yang dikemukakan ialah:

“Muzium merupakan sebuah institusi kekal yang tidak berkeuntungan dalam menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat serta menyelidik, mengumpul, memelihara, menginterpretasi serta mempamerkan warisan ketara dan tidak ketara. Dibuka kepada orang awam, boleh diakses (*accessible*) dan bersifat inklusif, muzium memupuk kepelbagaian dan kelestarian. Muzium juga beroperasi dan berkomunikasi secara beretika, profesional serta penyertaan komuniti, menawarkan pelbagai pengalaman untuk tujuan pendidikan, keseronokan, refleksi dan perkongsian maklumat (*pengetahuan*).”

(Majlis Muzium Antarabangsa 2022)

Berdasarkan definisi terbaharu tersebut, peranan muzium pada masa kini bukan sahaja perlu berfokus kepada pengumpulan, pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi objek sejarah semata-mata. Penambahan terhadap frasa ‘kepelbagaian’, ‘kelestarian’, ‘kebolehcapaian’ (boleh diakses) dan ‘inklusif’ dalam definisi baharu muzium jelas menunjukkan konsep muzium pada masa kini bersifat progresif, di samping menekankan penyertaan orang awam atau pelbagai kumpulan komuniti dalam pembangunan dan program muzium. Di samping memegang tanggungjawab sosial kepada masyarakat, muzium juga sentiasa mengalami proses transformasi kesan daripada perkembangan sosial dan ekonomi yang berlangsung sama ada di peringkat tempatan, negara atau antarabangsa (Kelly 2006).

Muzium Arkeologi

Pada kurun ke-19 hingga awal kurun ke-20, muzium arkeologi secara tradisinya dilihat sebagai sebuah institusi yang sentiasa menginginkan koleksi antikuiti yang terbaharu untuk dikaji serta dipamerkan, di samping sentiasa bersaing dengan muzium-muzium lain untuk memiliki objek yang terbaik bagi menarik kehadiran pengunjung ke muzium (Swain 2007). Tumpuan muzium sejak kurun ke-18 hingga ke-19 adalah terhadap kerja-kerja penyusunan objek untuk didokumentasikan, berdasarkan zaman dan budaya (Barker 2010). Namun, pada akhir kurun ke-20 hingga awal kurun ke-21 pula, penyelidikan arkeologi kebanyakannya dijalankan oleh firma-firma persendirian (*private firm*) atau oleh universiti-universiti, manakala muzium pula kurang terlibat dengan penyelidikan arkeologi selain hanya menjadi pusat akhir pengumpulan objek-objek yang dijumpai untuk dipamerkan kepada orang awam (Swain 2007).

Dari segi definisi, ‘muzium arkeologi’ dihubungkan secara dinamik antara muzium iaitu; ‘*sebuah institusi yang mengumpul, mengurus dan menginterpretasi budaya material kepada orang awam*’, dengan arkeologi; ‘*bidang yang mengkaji masa lalu manusia melalui bahan budaya yang ditinggalkan*’ (Swain 2007). Oleh sebab itu, peranan muzium yang mengambil dan menyimpan bahan budaya hasil daripada aktiviti ekskavasi oleh ahli arkeologi, di samping interpretasi yang diberikan ke atas bahan tersebut dan kemudiannya dipamerkan kepada orang awam, adalah merupakan aspek yang mewujudkan hubungan dinamik antara ‘muzium’ dengan ‘arkeologi’ (Swain 2007). Kandungan muzium yang berkaitan arkeologi kebiasaannya adalah berdasarkan kepada pelbagai tema atau merangkumi sesuatu tempoh zaman dengan pengumpulan koleksi sepanjang masa (Merriman 2010).

Dari segi pembangunan (binaan), muzium-muzium arkeologi di dunia dibina sama ada sebagai sebuah entiti tunggal atau sebagai entiti sampingan (bersama). Muzium arkeologi tunggal merujuk kepada bangunan muzium yang hanya menempatkan pameran koleksi dan maklumat antikuiti (arkeologi) yang khusus contohnya Muzium Arkeologi Acropolis (*The Acropolis Museum*) di Athens, Greece dan Muzium Arkeologi Nasional (*The Museo Archeologico Nazionale*) di Venice, Itali. Muzium arkeologi yang diwujudkan sebagai pameran sampingan (bersama) pula merujuk kepada pameran koleksi dan maklumat arkeologi yang ditempatkan bersama-sama dengan pelbagai jenis pameran-pameran lain (biasanya diistilahkan sebagai ‘galeri’) yang terdapat di bawah satu bumbung contohnya seperti Muzium Sejarah Semulajadi Kebangsaan Smithsonian (*Smithsonian National Museum of Natural History*) di Washington D.C., Amerika Syarikat serta Muzium Sejarah Semulajadi (*The National History Museum*) di London, United Kingdom.

Selain itu, muzium arkeologi juga boleh dikategorikan kepada dua jenis atau konsep iaitu muzium tertutup (*indoor museum*) dan muzium terbuka (*outdoor museum*). Bagi muzium arkeologi tertutup, koleksi pameran ditempatkan di dalam bangunan, termasuk binaan bangunan baru yang dibina di lokasi tapak arkeologi (contohnya Muzium Aguntum di Austria). Terdapat juga muzium tertutup yang diwujudkan di dalam bangunan asal di tapak arkeologi seperti Muzium Arkeologi Baths of Caracalla di Rom, Itali. Muzium terbuka (*open site*

museum) pula kebiasaannya berada di lokasi-lokasi tapak arkeologi seperti yang terdapat di Itali iaitu Tapak Arkeologi Herculaneum di Naples dan The Colosseum di Rom (Inexhibit 2017).

Muzium arkeologi mempunyai peranan yang sama seperti muzium-muzium lain (bergantung kepada jenis koleksi) iaitu sebagai pusat pengumpulan, pemeliharaan dan penyelidikan objek atau budaya material untuk dipersembahkan kepada masyarakat umum bagi tujuan pendidikan dan hiburan kepada orang awam (ICOM 2007; Swain 2007). Di samping itu, adalah menjadi suatu kebanggaan bagi sesebuah negara apabila sejarah serta kekayaan khazanah arkeologi dipamerkan untuk tatapan umum (Smith 2000). Oleh sebab arkeologi turut digunakan untuk mencapai pelbagai agenda politik (Swain 2007; Pudney, 2019), di samping memainkan peranan dalam pembinaan negara bangsa (*nation-building*) seperti menyokong keabsahan dan identiti bangsa atau negara (Smith 2000; Merriman 2004), perebutan serta penjajahan wilayah dan etnik (Merriman 2004), maka hal ini sekali gus memperlihatkan peranan muzium di dalam konteks tersebut (muzium sebagai agen propaganda).

Di negara-negara barat, konsep muzium bermula seiring dengan lahirnya konsep 'bangsa' apabila hasil jumpaan masa lalu yang diperolehi melalui penemuan antikuiti serta penyelidikan arkeologi, dikumpulkan serta dipamerkan bagi menunjukkan kesamaan warisan (*shared heritage*) (Smith 2000; Kaplan 2006). Kurun ke-19 menyaksikan peranan penting muzium dalam pembinaan negara bangsa apabila arkeologi dijadikan sebagai 'alat' bagi membuktikan persamaan atau perkongsian identiti berdasarkan kepada penemuan tinggalan masa lalu di dalam lingkungan sempadan geografi moden (Swain 2007). Dalam konteks ini, muzium bertindak sebagai institusi yang mengumpul serta mempamerkan bahan arkeologi tersebut, dan pada masa yang sama, mengesahkan atau mengabsahkan kewujudan negara mereka (berdasarkan bukti arkeologi yang ditemui dalam wilayah tersebut) di samping mewujudkan naratif yang mengaitkan negara tersebut dengan sejarah silamnya (Smith 2000; Merriman 2004; Swain 2007). Dalam konteks yang sama juga, pameran koleksi arkeologi di muzium turut dijadikan sebagai alat propaganda untuk meluaskan kuasa jajahan. Contohnya, tindakan pihak Nazi pada awal kurun-20 dalam usaha untuk mengembangkan kekuasaan negara Jerman dengan menjustifikasikan bahawa bukti arkeologi yang mewakili bangsa Jerman silam adalah melangkaui sempadan geografi negara Jerman moden. Seiringan dengan cita-cita tersebut, muzium memainkan peranan dengan mempamerkan koleksi bahan budaya masa lalu Jerman bagi mengabsahkan tuntutan mereka ke atas wilayah lain, di samping menghalalkan layanan mereka terhadap bangsa tertentu yang dianggap rendah darjatnya (Merriman 2004; Swain 2007).

Muzium juga merupakan medium yang ideal bagi membentuk identiti nasional serta perpaduan berdasarkan masa lalu bangsa yang bersifat generik dan holistik (Smith 2000). Di benua kecil India (*Indian subcontinent*) yang terdapat tiga negara bangsa iaitu India, Pakistan dan Bangladesh, walaupun ketiga-tiga negara tersebut pernah berada di bawah jajahan kuasa kolonial yang sama iaitu British pada suatu ketika dahulu, namun negara-negara tersebut pada hari ini mempunyai perbezaan dalam falsafah, amalan politik, serta anutan dalam agama majoriti. Di samping itu, terdapat cabaran untuk membina identiti bangsa kerana bukti arkeologi dan sejarah di ketiga-tiga negara tersebut tidak menggambarkan budaya majoriti semasa contohnya; Taj Mahal dibina di India oleh orang Muslim, tinggalan bandar purba Harrapan di Pakistan adalah jauh lebih awal berbanding bukti kedatangan Islam di sana iaitu pada sekitar 2000 tahun Sebelum Masihi, serta di Bangladesh yang merupakan sebuah negara Islam tetapi monumen pertama yang disenaraikan di bawah UNESCO merupakan biara Buddha dengan pentarikan kurun ke-8 Masihi di Paharpur (Smith 2000). Hal ini turut menyebabkan berlakunya persaingan dalam usaha untuk menuntut pemilikan terhadap warisan arkeologi sehingga ke hari ini, serta mencetuskan isu kemusnahan objek dan bangunan warisan akibat pertembungan agama (Smith 2000). Pemusnahan patung Buddha di Bamiyan,

Afghanistan, pada tahun 2001 oleh rejim Taliban juga merupakan salah satu contoh kerosakan warisan yang ketara. Patung-patung ini yang merupakan simbol penting warisan Buddha purba Afghanistan, telah dimusnahkan sebagai usaha untuk menegaskan dominasi identiti budaya dan agama yang berbeza. Insiden ini menunjukkan cara warisan arkeologi boleh menjadi medan pertempuran untuk penguasaan ideologi dan menggambarkan cabaran dalam pemeliharaan warisan dalam konteks konflik agama (Bouchenaki 2024). Di India dan Pakistan, muzium di negara tersebut bertindak untuk menonjolkan identiti negara yang tersendiri bagi membentuk penyatuan bangsa, melalui interpretasi yang diberikan ke atas bahan-bahan arkeologi yang dipamerkan di muzium. Hal ini juga menunjukkan bahawa sesebuah bangsa tidak boleh memilih tradisinya, namun boleh menonjolkan tradisinya melalui interpretasi ke atas bukti arkeologi yang digunakan untuk mencapai matlamat sosial dan politik secara fleksibel (Smith 2000).

Definisi Muzium Berdasarkan Perspektif di Malaysia

Masyarakat Melayu mempunyai persepsi tersendiri terhadap muzium di awal penubuhannya yang dikenali sebagai ‘Ajaib Khanah’ kerana menganggap muzium sebagai tempat untuk menyimpan dan mempamerkan barang-barang yang luar biasa dan aneh (Hamid 2014). Sehingga pertengahan tahun 1970-an, muzium di Malaysia masih lagi dikenali sebagai ‘Sekolah Gambar’ kerana selain pameran koleksi artifak, muzium turut mempamerkan banyak gambar-gambar bersejarah (Hamid 2014; Othman 2005). Tafsiran terhadap definisi muzium oleh penulis-penulis awal di Malaysia apabila membincangkan mengenai muzium adalah dengan memetik definisi seperti yang digariskan oleh ICOM pada tahun 1974 iaitu “suatu institusi yang bersifat tetap, tidak berkeuntungan, memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dan perkembangannya, terbuka kepada umum, memperoleh, merawat, menghubungkan dan mempamerkan bukti-bukti tinggalan manusia dan persekitarannya untuk tujuan pembelajaran, pendidikan dan hiburan” (Dellios 1999; Othman 2005).

Walau bagaimanapun, terdapat perdebatan oleh sesetengah penulis yang melihat tafsiran tersebut untuk konteks di Malaysia adalah sesuatu yang bermasalah kerana pembangunan muzium di Malaysia tidak selari dengan konsep muzium seperti yang digariskan oleh ICOM, di samping mempersoal sebab musabab Persatuan Muzium Malaysia (*Museum Association of Malaysia*) tidak membuat definisi muzium tersendiri yang sesuai dengan konteksnya di Malaysia (Dellios 1999). Perspektif terhadap perkara yang membentuk muzium di Malaysia boleh dilihat secara kronologi bermula dengan penerbitan ‘Direktori Muzium di Malaysia 1977’ dan ‘Direktori Muzium ASEAN 1988’ iaitu; 1) muzium dengan status muzium negara, 2) muzium negeri, 3) jabatan muzium, 4) galeri seni, 5) zoo dan akuarium, 6) taman, serta 7) gua dan memorial. Namun, zoo, taman dan gua kemudiannya dikeluarkan dalam senarai ‘muzium’ berdasarkan penerbitan *Museum of Malaysia* pada tahun 1994 (Dellios 1999).

Penerbitan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti pada tahun 1994 masih lagi memetik definisi muzium yang digariskan oleh ICOM daripada tahun 1989 yang ketika itu terdapat penambahan frasa “bukti-bukti sejarah, kebudayaan dan alam semulajadi” daripada definisi sebelumnya (Dellios 1999). Di samping itu, timbul juga cadangan bahawa hanya institusi yang signifikan dengan bahan budaya dan menepati definisi ICOM, serta bertempat di dalam bangunan adalah yang sepatutnya dipanggil ‘muzium’ (Dellios 1999). Namun, timbul percanggahan dalam penerbitan tersebut apabila terdapat institusi yang tidak menepati kriteria muzium seperti yang telah dicadangkan, tetapi masih disenaraikan sebagai muzium antaranya memorial dan Perkampungan Budaya Sarawak (*Sarawak Cultural Village*) (Dellios 1999). Percanggahan lain yang timbul adalah walaupun penerbitan tersebut menggunakan definisi muzium oleh ICOM (yang turut memasukkan pameran hidup dan alam semulajadi sebagai ‘muzium’), namun zoo, taman dan gua bukan termasuk dalam kategori ‘muzium’ manakala

Pusat Sains Negara dan Planetarium Negara pula adalah ‘muzium’ berdasarkan perspektif Jabatan Muzium dan Antikuiti (Dellios 1999).

Dellios (1999) dalam kajian disertasi ijazah kedoktoran beliau mengenai muzium di Malaysia menyimpulkan bahawa apa yang dikira sebagai muzium di Malaysia adalah sentiasa berubah-ubah. Dalam disertasi tersebut, turut dinyatakan bahawa jumlah muzium sejak 1993 berdasarkan penerbitan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti menunjukkan pertambahan bilangannya sehingga tahun 1997, tetapi tanpa penerangan tentang perkara yang diidentifikasi sebagai ‘muzium’.

Terkini, berdasarkan tinjauan di laman sesawang Jabatan Muzium Malaysia (JMM), definisi muzium yang digunakan oleh JMM bagi menerangkan aspek permuziuman di Malaysia adalah berpanduan kepada definisi lalu yang digariskan oleh ICOM iaitu ‘institusi bersifat tetap, tidak mencari keuntungan, memberi khidmat kepada masyarakat dan perkembangannya, terbuka kepada umum, memperoleh, merawat, menghubungkan dan mempamerkan untuk tujuan pembelajaran, pendidikan dan hiburan, bukti-bukti tinggalan manusia dan persekitarannya’ (JMM 2024).

Muzium Arkeologi di Malaysia

Pada masa kini, kebanyakan muzium negeri di Malaysia mempunyai ruangan khas yang mempamerkan tema arkeologi yang berkaitan dengan sejarah awal negeri tersebut. Selain itu, terdapat muzium dan galeri yang diwujudkan khas untuk menempatkan koleksi arkeologi serta bersifat setempat (*territorial*) kerana koleksi pameran yang terdapat di muzium serta galeri tersebut adalah hasil daripada penemuan arkeologi di kawasan berkenaan. Antara muzium dan galeri yang ditubuhkan khas untuk mempamerkan hasil kajian arkeologi di Malaysia ialah; 1) Muzium Arkeologi Lembah Bujang di Kedah, 2) Galeri Arkeologi Lenggong di Perak, 3) Galeri Arkeologi Guar Kepah di Pulau Pinang, 4) Galeri Arkeologi Bukit Tengkorak di Sabah, 5) Galeri Arkeologi Agop Batu Tulug di Sabah, 6) Muzium Arkeologi Niah di Sarawak serta 7) Galeri Arkeologi Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang.

Kebanyakan pentadbiran muzium dan galeri arkeologi yang terletak di Semenanjung Malaysia adalah di bawah penyeliaan JMM kecuali bagi Galeri Arkeologi Lenggong yang diletakkan di bawah penyeliaan Jabatan Warisan Negara serta Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah yang diletakkan di bawah pentadbiran kerajaan negeri Pulau Pinang. Semua muzium dan galeri di Sabah dan Sarawak pula adalah dibawah pentadbiran jabatan muzium negeri masing-masing. Selain itu, penubuhan Galeri Arkeologi Universiti Sains Malaysia pula adalah hasil inisiatif Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia yang mempamerkan penyelidikan-penyelidikan arkeologi yang dijalankan oleh pusat penyelidikan tersebut.

Aktiviti Antikuiti dan Arkeologi serta Perkembangan Pembangunan Muzium di Malaysia

Pembangunan muzium di Malaysia mempunyai sejarah dan perkembangannya tersendiri. Daripada segi sejarah, konsep muzium dalam masyarakat Melayu dikatakan telah bermula sebelum kedatangan penjajah Barat iaitu sejak era pemerintahan Kesultanan Melayu apabila istana raja-raja Melayu dijadikan tempat penyimpanan artifak bersejarah, dokumen dan historiografi (antaranya *Sulalatus Salatin*, *Sejarah Melayu*, *Tuhfat Al-Nafis*, *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Muhammad Ali Hanapiah*, *Hikayat Hang Tuah*, *Dar al-Manzum* dan banyak lagi) sesuai dengan peranan istana sebagai tempat penyebaran ilmu dan pusat politik (Mohd Syafiq et al. 2022). Walau bagaimanapun, peranannya sebagai tempat penyimpanan khazanah gagal berfungsi dengan baik kerana kecuaian dalam aspek pemeliharannya (Ahmad Farid et al. 2020).

Tempoh seterusnya iaitu semasa Tanah Melayu melalui zaman kolonialisme, pihak penjajah British dilihat mempunyai agenda tersendiri terhadap idea awal pembangunan muzium di Tanah Melayu. Namun, sumbangan besar mereka terhadap penyelidikan arkeologi di Malaysia berikutan pembangunan muzium tidak boleh dinafikan. Hal ini demikian kerana latar belakang penyelidikan arkeologi di Malaysia mempunyai kaitan yang rapat dengan penubuhan awal muzium di negara ini (Adi 1987). Semasa era penjajahan kuasa-kuasa Barat di Asia, penubuhan muzium di Malaysia (dahulunya dikenali sebagai Tanah Melayu dan North Borneo serta Sarawak secara berasingan) bermula melalui kerja-kerja penyelidikan arkeologi oleh pegawai kolonial Barat, sekali gus menjadikan muzium di negara ini sebagai produk kolonialisasi (Abu Talib 2015; Adi 1987). Institusi permuziuman di Malaysia bukan sahaja mewarisi legasi kolonial British dengan penggunaan istilah ‘muzium’ yang merupakan terjemahan ‘*museum*’, malahan turut mewarisi ideologi serta model permuziuman daripada Barat dalam aspek pengurusan (penyimpanan dan klasifikasi), tafsiran dan pameran artifak (Dellios 1999).

Faktor yang membawa kepada penubuhan muzium di Tanah Melayu oleh pihak kolonial adalah berkesinambungan daripada pengaruh perkembangan pembangunan muzium di Eropah (Abu Talib 2015). Antara agenda penubuhan muzium di Tanah Melayu pada zaman penjajahan British serta di negara-negara koloni mereka adalah untuk memahami sifat masyarakat tempatan agar dapat merangka dasar yang akan memberikan manfaat kepada pemerintahan mereka di negara yang dijajah. Melalui kerja-kerja antikuiti yang dijalankan oleh muzium, data-data penyelidikan dan pelbagai koleksi dari tanah-tanah jajahan telah dibawa ke negara mereka untuk disimpan sebagai koleksi di sana, dan turut dijadikan sebagai bahan pameran untuk memperlihatkan kemasyhuran dan autoriti mereka di mata dunia (Ahmad Farid et al. 2019; Mohd Syafiq et al. 2022). Penyelidikan ke atas sumber alam oleh muzium turut dimanfaatkan untuk perancangan ekonomi yang akan menyumbang kepada kekayaan mereka contohnya melalui penanaman getah secara besar-besaran dan aktiviti perlombongan mineral di negara-negara jajahan mereka (Ahmad Farid et al. 2019). Selain itu, pembangunan muzium oleh British di negara-negara jajahan mereka juga dijadikan sebagai alat propaganda untuk memperlihatkan sumbangan mereka dalam membangunkan tanah jajahan termasuk pembangunan infrastruktur fizikal yang lain (Ahmad Farid et al. 2019). Data-data pentadbiran oleh kerajaan British di Tanah Melayu diserahkan kepada pihak British di London bagi memperlihatkan segala kemajuan yang telah dilakukan di Tanah Melayu, termasuk penubuhan muzium yang merupakan infrastruktur terpenting yang dijadikan sebagai simbolik kejayaan mereka (Mohd Syafiq et al. 2022).

Seperti juga muzium di negara-negara Eropah, peranan muzium di Tanah Melayu dan Borneo selain dalam kerja-kerja penyelidikan juga tidak boleh dipisahkan dengan fungsinya sebagai tempat untuk mempamerkan hasil kerja-kerja penyelidikan tersebut antaranya koleksi arkeologi, zoologi, botani, geologi dan etnologi (Abu Talib 2015; Hamid 2014). Namun, pengaruh kolonial dalam aspek permuziuman adalah sangat ketara apabila koleksi artifak dan kajian yang disimpan di muzium adalah berteraskan kepada perspektif dunia Barat (*western world-view*) yang boleh dilihat daripada segi pengumpulan maklumat yang diolah mengikut perspektif mereka, tanpa mempedulikan pandangan masyarakat jajahan (Mohd Syafiq et al. 2022). Bagi memahami sejarah pembangunan dan perkembangan muzium di Malaysia yang dipengaruhi oleh aktiviti antikuiti dan penyelidikan arkeologi, perbincangan seterusnya dibahagikan kepada sub-tajuk kecil mengikut wilayah, iaitu Tanah Melayu (Semenanjung Malaysia), Sarawak dan Sabah.

Tanah Melayu (Semenanjung Malaysia)

Dalam konteks penyelidikan arkeologi di Semenanjung Malaysia, Adi (1987) telah membahagikannya kepada empat fasa. Fasa pertama merujuk kepada aktiviti antikuiti oleh

golongan antikuarian yang terdiri daripada pegawai-pegawai kolonial Barat melalui penemuan pertama rangka manusia dalam timbunan cangkerang oleh G.W. Earl di Guar Kepah, Seberang Prai pada tahun 1860, serta penemuan tinggalan candi purba di Lembah Bujang, Kedah oleh Kolonel James Low (Adi 1987; Zuraina 2003; Chia 2017, 2018). Penemuan-penemuan tersebut kemudiannya telah membawa kepada penubuhan muzium pertama di Tanah Melayu (*Malaya*) pada tahun 1883 iaitu Muzium Perak di Taiping, Perak (Ahmad Hakimi 1992; Abu Talib 2015; Rahah 2016). Objektif penubuhan Muzium Perak sejak awal penubuhannya adalah untuk mengumpul maklumat etnologi, antropologi serta arkeologi (Ahmad Hakimi 1992; Abu Talib 2015).

Perkembangan dalam penyelidikan arkeologi di Tanah Melayu dalam tempoh tersebut telah menjadikan Muzium Perak sebagai pusat untuk penyelidikan arkeologi sejak tahun 1904. Leonard Wray merupakan kurator Muzium Perak pada tahun 1882 hingga 1886, dan seterusnya dilantik sebagai pengarah di muzium yang sama pada tahun 1904 (Ahmad Hakimi 1992). Beliau menjadi perintis dalam penerokaan gua serta ekskavasi arkeologi di Semenanjung Malaysia antaranya pelindung batuan Gunung Pondok dan Gunung Cheroh serta melakukan lawatan di gua Kota Gelanggi, Pahang 1904 (Adi 1987; Ahmad Hakimi 1992). Namun begitu, Leonard Wray bukanlah seorang ahli arkeologi yang terlatih. Sebagai seorang ahli etnografi, pendekatannya dalam penyelidikan arkeologi lebih cenderung kepada kerja lapangan dengan menjalankan tinjauan atau penggalian tidak profesional untuk mengumpulkan artifak dan penemuan secara kebetulan. Penulisan dan laporannya bersifat deskriptif serta ringkas, dengan kekurangan data asas yang penting seperti plan ekskavasi atau lukisan keratan tapak (Chia 2017).

Pada tahun 1889, Muzium Selangor telah dibina di tapak Muzium Negara sekarang dan mula beroperasi pada tahun 1906 (JMM 2022). Pada tahun 1910, kedua-dua Muzium Selangor dan Muzium Perak telah digabungkan membentuk Muzium Negeri-negeri Melayu Bersekutu (*Federated Malay State Museum*) atau *FMS Museum* di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Negeri-negeri Melayu Bersekutu (*Federal Malay States Museum Department*) (Ahmad Hakimi 1992; Rahah 2006). Penyatuan tersebut telah mengukuhkan lagi penyelidikan arkeologi di Semenanjung Tanah Melayu kerana membolehkan Muzium Perak memperoleh maklumat daripada Negeri-negeri Melayu Bersekutu (terdiri daripada Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang) (Ahmad Hakimi 1992). Penyelidikan arkeologi juga dijalankan dengan lebih terancang dan tersusun oleh kakitangan muzium, antaranya G.W. Thomson sebagai Penolong Kurator yang menjalankan penyelidikan arkeologi di Gua Kerbau, Perak. Di samping itu, penerbitan *Journal of the Federated Malay States Museums* pada 1905 turut mendokumentasikan laporan penyelidikan arkeologi oleh Muzium Perak sehingga penerbitan tersebut terhenti ketika Perang Dunia Kedua melanda Tanah Melayu (Ahmad Hakimi 1992). Pada tempoh yang sama juga, Jabatan Muzium di Negeri-negeri Melayu Bersekutu turut menjalankan penyelidikan arkeologi prasejarah di bawah penyeliaan pegawai etnografi iaitu H.D. Noone. Pada tahun 1930, pengurusan pentadbiran Muzium Selangor dan Muzium Perak telah dipisahkan semula berikutan dasar desentralisasi British di Tanah Melayu (Hamid 2014). Namun, penyelidikan arkeologi masih lagi aktif berlangsung apabila beberapa tapak arkeologi telah dikaji iaitu tapak Gua Gol Bai't di Sungai Siput pada tahun 1939 serta tapak Gua Menteri di Kelantan. H.D. Noone turut menjalankan kajian tipologi terhadap koleksi alat-alat batu Neolitik di dalam muzium (Ahmad Hakimi 1992).

Fasa seterusnya atau fasa kedua dalam perkembangan penyelidikan arkeologi di Tanah Melayu masih lagi memperlihatkan peranan Muzium Perak di samping penyelidik-penyelidik Barat yang mempelopori penyelidikan arkeologi tanah air. Fasa ini bermula apabila Ivor Hugh Norman Evans atau I.H.N. Evans dilantik sebagai Penolong Kurator di Muzium Perak pada 1912, sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 (Adi 1987; Ahmad Hakimi 1992). Pada tahun 1926, I.H.N. Evans dilantik sebagai Pegawai Etnografi sehingga

beliau bersara pada tahun 1932. Beliau telah menghasilkan lebih daripada 20 laporan penyelidikan arkeologi dan sekali gus memberi sumbangan besar terhadap arkeologi prasejarah di Malaysia antaranya penyelidikan di tapak-tapak prasejarah Gua Kajang (1917), Gunung Kurau (1920), Gunung Pondok (1921) serta di kawasan lain antaranya Gunung Senyum, Kota Tongkat, Gua Badak, Gua Kerbau dan Kuala Nyong, serta tapak proto-sejarah di Kuala Selinsing (Ahmad Hakimi 1992).

Penyelidikan arkeologi dihentikan sepenuhnya apabila Perang Dunia Kedua berlangsung yang turut melanda Tanah Melayu, dan disambung semula dalam keadaan yang agak perlahan selepas tahun 1945 berikutan ancaman komunis (Yunus & Wan Noorlizawati 2010). Pada tahun yang sama juga, sebahagian bangunan Muzium Selangor mengalami kemusnahan akibat dibom secara tidak sengaja oleh Tentera Udara Bersekutu (JMM 2022). Kesan daripada insiden pengeboman tersebut, seluruh pentadbiran Jabatan Muzium termasuk koleksi yang terselamat daripada Muzium Selangor dipindahkan ke Muzium Perak untuk disimpan dan dibaik pulih (konservasi). Hal ini turut menyebabkan peranan Muzium Perak menjadi semakin penting sebagai pusat pentadbiran muzium di Tanah Melayu. Walaubagaimanapun, kepentingannya sebagai pusat penyelidikan arkeologi di Tanah Melayu beransur hilang dan beralih kepada Muzium Raffles di Singapura (Ahmad Hakimi 1992).

Sekitar tempoh yang sama di Singapura pula, peranan Muzium Raffles yang dibina pada tahun 1849 (dibuka sebagai muzium secara rasmi pada tahun 1887) semakin berkembang hasil daripada pertambahan koleksi muzium pada tahun 1930-an. Muzium Raffles telah menerima dana daripada *Carnegie Corporation of New York* untuk menjalankan penyelidikan prasejarah di negeri-negeri Melayu pada 1934. Dana ini turut membantu dalam menaiktaraf kualiti laporan penyelidikan arkeologi sehingga membawa kepada penerbitan *Bulletin of the Raffles Museums* (Ahmad Hakimi 1992). Kemuncak kepada peranan Muzium Raffles sebagai pusat penyelidikan arkeologi di Tanah Melayu adalah melalui penganjuran Kongres Ketiga '*Prehistorians of the Far East*' pada tahun 1938 (Ahmad Hakimi 1992; Yunus & Wan Noorlizawati 2010). Sebuah galeri yang dinamakan '*Hall of the Asiatic Prehistory*' dibuka dengan rasmi sempena kongres tersebut, di samping penerbitan buku prosiding (Ahmad Hakimi 1992). Staf-staf dari Muzium Raffles turut terlibat dengan penyelidikan arkeologi di Tanah Melayu dengan menumpukan kajian di Pantai Barat yang diketuai oleh Henry Dennis Collings atau H.D. Collings (Ahmad Hakimi 1992). Antara sumbangan penting beliau adalah laporan mengenai penemuan tapak prasejarah Kota Tampan di Perak, Bukit Chuping di Perlis dan Gua Debu di Baling, Kedah (Adi 1987; Ahmad Hakimi 1992).

Apabila Micheal Wilmer Forbes Tweedie atau M.W.F. Tweedie menjadi pengarah Muzium Perak pada tahun 1945, beliau banyak menumpukan kepada penyelidikan arkeologi di bahagian Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan telah memberi sumbangan besar terhadap arkeologi prasejarah di Malaysia. Beliau digantikan oleh W. Linehan selaku pengarah Muzium Perak pada tahun 1949 dan seterusnya P.D.R. Williams-Hunt pada 1951 (Adi 1987; Ahmad Hakimi 1992).

Sebelum pelantikan P.D.R. Williams-Hunt sebagai pengarah Muzium Perak, beliau telah pun bertanggungjawab ke atas muzium tersebut serta dilantik sebagai Penasihat Orang Asli bagi Jabatan Orang Asli pada tahun 1948 (Mohd Kassim 1997; Yunus & Wan Noorlizawati 2010). Beliau memainkan peranan yang aktif dalam menjalankan penyelidikan arkeologi di Tanah Melayu dan antara sumbangan besar beliau dalam arkeologi Malaysia adalah usaha beliau untuk mendapatkan pentarikhan kronometrik terhadap tapak Gua Harimau. Pentarikhan tersebut menjadikan tapak Gua Harimau sebagai tapak pertama yang diaplikasikan dengan pentarikhan radiokarbon (C14) dalam penyelidikan arkeologi di Malaysia (Ahmad Hakimi 1992; Yunus & Wan Noorlizawati 2010). P.D.R. Williams-Hunt juga telah memulakan penerbitan mengenai laporan ringkas tentang penyelidikan arkeologi di Semenanjung Malaysia dengan tajuk '*Recent Archaeological Discoveries in Malaya*' dalam Jurnal '*Malaysian Branch*

of the Royal Asiatic Society’ atau JMBRAS (Yunus & Wan Noorlizawati 2010). Selepas P.D.R. Williams-Hunt, pengarah-pengarah Muzium Perak yang lain juga seperti G. de. G. Sieveking (dilantik pada tahun 1953) dan B.A.V. Peacock (dilantik pada tahun 1955) turut memberi sumbangan yang penting terhadap penyelidikan arkeologi di Tanah Melayu. G. de. G. Sieveking telah menyumbang kepada data arkeologi prasejarah yang lebih komprehensif melalui kajian di Gua Cha, Kelantan (Chia 2017).

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, penyelidikan arkeologi masih lagi dijalankan oleh muzium terutamanya dengan pelantikan J.M. Matthew sebagai Kurator di Muzium Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1959, yang turut menyaksikan peranan aktif beliau dalam penyelidikan arkeologi terutamanya terhadap tapak-tapak gua batu kapur di Gunung Panjang, Ipoh. Beliau turut mengumpulkan rekod tapak-tapak prasejarah berkebudayaan Hoabinh di Semenanjung Malaysia antara tahun 1860 hingga 1939 (Yunus & Noorlizawati 2010). Pada tahun 1962, penemuan seramik-seramik China kurun ke-11 dan 13 telah dilaporkan oleh Lord Medway di Pulau Tioman, Pahang. Pada tahun yang sama juga, W.G Solheim menjalankan penyelidikan di tapak Kota Johor Lama di samping penyelidikan terhadap tapak-tapak megalitik di Melaka dan Negeri Sembilan oleh Mubin Shepperd (Yunus & Wan Noorlizawati 2010).

Fasa ketiga dalam perkembangan penyelidikan arkeologi bermula selepas Tanah Melayu memperoleh kemerdekaan (Adi 1987). Walaupun penyelidikan arkeologi di tanah air masih lagi dipelopori oleh pegawai-pegawai Barat antaranya Michael Sullivan, H.A. Lamb serta pasangan suami isteri Dr. Quaritch Wales dan Dorothy Wales, fasa ini sudah mula menunjukkan penglibatan penyelidik tempatan daripada Universiti Malaysia melalui Jabatan Sejarah di Kuala Lumpur, yang memantau serta memberikan galakan secara aktif terhadap penyelidikan arkeologi di Tanah Melayu (Adi 1987). Tumpuan penyelidikan arkeologi adalah terhadap tapak-tapak proto-sejarah di Lembah Bujang (Adi 1987; Yunus & Wan Noorlizawati 2010). Pembangunan muzium-muzium di Malaysia setelah merdeka juga bertambah dimulai dengan pembinaan semula muzium baru di tapak Muzium Selangor dikenali sebagai Muzium Negara, yang siap sepenuhnya pada tahun 1963.

Fasa keempat dalam perkembangan bidang arkeologi di Malaysia bermula sekitar awal 1970-an yang menunjukkan penyelidikan arkeologi semakin mendapat perhatian dalam kalangan rakyat tempatan (Adi 1987; Yunus & Wan Noorlizawati 2010). Bilangan muzium sekitar tahun 1970-an masih lagi kecil (Abu Talib 2015). Kerajaan Malaysia ketika itu memberi sokongan terhadap penyelidikan arkeologi negara dengan tujuan untuk mengkaji asal usul bangsa serta untuk membentuk persefahaman terhadap rakyat yang berbilang kaum di Malaysia. Unit Survei dan Penyelidikan Arkeologi Kebangsaan atau *National Archaeological Survey and Research Unit* (NASRU) telah dirasmikan pada tahun 1969. Penubuhan NASRU telah mengaktifkan lagi ekspedisi dan survei arkeologi di Semenanjung Malaysia terutamanya di Lembah Bujang (Yunus & Wan Noorlizawati 2010). Pembangunan Muzium Negara telah membawa kepada penubuhan Jabatan Muzium, dan seterusnya perkembangan dalam pembangunan Muzium Perak Taiping dan Muzium Arkeologi Lembah Bujang (Hamid 2014). Selain menjalankan kerja-kerja penyelidikan arkeologi, Jabatan Muzium turut berperanan sebagai agensi yang memelihara warisan dengan penguatkuasaan Akta Benda Purba 1976. Kepesatan pembangunan muzium melibatkan pembinaan muzium negeri, jabatan muzium dan institusi, serta muzium swasta yang berperanan dalam kerja-kerja penyimpanan dan pemeliharaan warisan budaya memperlihatkan usaha kerajaan dalam pembinaan negara bangsa melalui pembangunan generasi hadapan dan menyerlahkan identiti kebangsaan (Abu Talib 2015). Kursus arkeologi juga diperkenalkan di Universiti Malaya melalui Jabatan Sejarah. Penyelidikan arkeologi ketika ini disertai oleh pelajar-pelajar kursus arkeologi tersebut antaranya F.L. Dunn. Jabatan Muzium masih lagi aktif menjalankan penyelidikan arkeologi dengan penglibatan pegawai tempatan seperti Al-Rashid yang terlibat dengan ekskavasi tapak

Gua Tapa di Kompleks Gunung Senyum, Temerloh, Pahang. Penyelidikan arkeologi juga dikendalikan oleh penyelidik-penyelidik tempatan seperti Nik Hassan Shuhaimi, Zuraina Majid, Leong Sau Heng dan Adi Taha (Yunus & Wan Noorlizawati 2010).

Pada era 1970-an, peranan muzium dalam arkeologi Malaysia menjadi semakin penting berdasarkan tiga aspek utama iaitu; 1) mencari tapak-tapak arkeologi baru dan lama berdasarkan rekod oleh penyelidik terdahulu, 2) menjalankan ekskavasi penyelamatan terhadap tapak yang terlibat dengan program pembangunan, dan 3) menjalankan penyelidikan arkeologi dengan terancang dan sistematik (Yunus & Wan Noorlizawati 2010). Theseira yang merupakan ketua Unit Arkeologi Prasejarah bersama-sama ahli arkeologi tempatan telah menjalankan beberapa penyelidikan arkeologi dan memberi sumbangan besar terhadap arkeologi negara melalui penemuan penting artifak-artifak kebudayaan Neolitik dan Logam (Leong 1980; Suresh et al. 2020; Yunus & Wan Noorlizawati 2010). Theseira telah memulakan inisiatif terhadap penyelidikan arkeologi di kawasan Ulu Tembeling dengan mengenal pasti beberapa kampung yang mempunyai potensi untuk kajian arkeologi berdasarkan jumpaan permukaan, temu bual bersama penduduk tempatan serta koleksi artifak yang disimpan oleh segelintir penduduk tempatan (Suresh et al. 2020). Beliau turut terlibat dalam menjalankan ekskavasi penyelamatan di tapak Gua Tok Bidan yang akan tenggelam akibat pembinaan Empangan Tasik Kenyir pada tahun 1976 serta di Jenderam Hilir, Selangor pada tahun 1977 dan 1979 (Leong 1980; Yunus & Wan Noorlizawati 2010).

Pada tahun 1980-an, lebih banyak muzium yang dibina oleh kerajaan negeri, jabatan kerajaan dan pihak swasta (Abu Talib 2015). Muzium dibangunkan hampir di semua negeri di Malaysia terutamanya bahagian utara Semenanjung yang ketika itu mendedahkan banyak penemuan-penemuan arkeologi (Abu Talib 2008; 2015). Muzium Arkeologi Lembah Bujang telah dibina di Merbok, Kedah pada tahun 1980 bagi menyokong kerja-kerja merancang, menyelidik, menyimpan, memelihara dan memulihara artifak dan tapak-tapak arkeologi bertarikh 5 hingga 13 Masihi (Abu Talib 2008). Pelantikan Adi Taha sebagai ketua di Unit Arkeologi Prasejarah di Jabatan Muzium pada tahun 1980 turut memperlihatkan usaha-usaha aktif dalam penyelidikan arkeologi di Semenanjung Malaysia antaranya di Pahang (Ulu Tembeling dan Kota Gelanggi) dan Perlis, (Adi 1983; Yunus & Wan Noorlizawati 2010; Suresh et al. 2020). Pentadbiran muzium-muzium negeri pula adalah di bawah Lembaga Muzium Negeri manakala Jabatan Muzium yang berperanan dalam memberi bantuan teknikal, latihan, khidmat nasihat serta bantuan kewangan.

Pada tahun 1992, Jabatan Muzium dan Antikuiti telah ditubuhkan bagi mengukuhkan lagi pengurusan muzium-muzium persekutuan (Muzium Negara, Muzium Perak, Muzium Arkeologi Lembah Bujang) dan Pejabat Antikuiti Wilayah di samping pengurusan aktiviti penyelidikan, pemuliharaan, penguatkuasaan, pendokumentasian dan sebagainya (Abu Talib 2015; Hamid 2014).

Sarawak

Sementara itu di Borneo, Raja Sarawak kedua iaitu Sir Charles Brooke telah mencetuskan idea penubuhan muzium di Sarawak pada tahun 1878 (Nur Auni et al. 2018). Pada tahun 1891, Muzium Sarawak yang dibangunkan di Kuching telah dibuka dengan rasmi dan menjadikannya sebagai muzium yang pertama di Borneo (Mohd Syafiq et al. 2022). Pengaruh kolonial yang kuat ke atas Muzium Sarawak boleh dilihat daripada segi binaan bangunannya yang dibina dengan ciri-ciri reka bentuk bangunan seperti di Eropah (Nur Auni et al. 2018). Antara yang dipamerkan di muzium Sarawak ialah Koleksi Brooke Low (*Brooke Low Collection*) yang terdiri daripada artifak dan spesimen milik etnik-etnik daripada pelbagai kawasan di Sarawak seperti senjata tradisional, peralatan pertanian, pakaian tradisional, hiasan, tekstil, ukiran kayu dan kraf tangan (Gregory & Noria 2020). Di Sarawak, kerja-kerja berkaitan antikuiti telah bermula sejak tahun 1947. Walau bagaimanapun, penglibatan Muzium Sarawak dalam

penyelidikan arkeologi hanya aktif pada tahun selepas itu dengan kerjasama pengkaji luar (Nur Auni 2018). Rekod arkeologi di Sarawak sebelum Perang Dunia Kedua hanyalah berbentuk catatan eksplorasi di gua-gua tanpa melibatkan penyelidikan arkeologi yang bersistematik kerana faktor kepakaran yang terhad (Nur Auni 2018). Namun, pelantikan Tom Harrison sebagai kurator di Muzium Sarawak memperlihatkan perkembangan dalam penyelidikan arkeologi di Sarawak, bermula dengan percubaan ekskavasi di Santubong dan Bau pada tahun 1949. Beliau kemudiannya menjalankan kajian arkeologi di sekitar Sungai Sarawak pada tahun 1951 dengan kerjasama kurator muzium dari *University Museum, University of Pennsylvania*, diikuti dengan penemuan tapak perkuburan di Gua Mulu dan Gua Niah, di samping menjalankan ekskavasi di Sungai Jaong, Muara Tebas dan Sungai Samarahan (Nur Auni 2018).

Penyelidikan arkeologi yang dijalankan oleh Muzium Sarawak di bawah penyeliaan Tom Harrison pada tahun-tahun berikutnya dilihat semakin aktif dengan penemuan lebih banyak tapak arkeologi yang turut melibatkan kerja-kerja ekskavasi antaranya;

- i. 1954 – penemuan tapak arkeologi di Bongkissam, Sungai Jaong dan Sungai Buah
- ii. 1957 – penyelidikan di Lobang Kuala (*West Mouth*) di Kompleks Gua Niah dengan penemuan artifak in-situ.
- iii. 1958 – pembangunan penyelidikan arkeologi dengan bantuan pakar-pakar dari luar negara antaranya; William Solheim (Amerika Syarikat) merupakan pakar seramik prasejarah, Tsing-Chao Maa (Taiwan) merupakan entomologis, Lindsay Gerssitt daripada Bernice P. Bishop Museum, Hawaii dan N.H. Wright, geologis daripada syarikat Shell.
- iv. 1958 hingga 1959 – ekskavasi dan penyelidikan Gua Sireh
- v. 1960 hingga 1967 – penyelidikan berterusan di Gua Niah

Walau bagaimanapun, rekod berkaitan penyelidikan arkeologi yang dijalankan dalam tempoh tersebut tidak diterbitkan secara komprehensif apabila kebanyakan penemuan dan kerja-kerja penyelidikan tidak diterbitkan secara formal tetapi hanya direkodkan dalam bentuk laporan (Nur Auni 2018).

Selepas pembentukan Malaysia dengan penyertaan Sarawak (dan Sabah), Jabatan Muzium Sarawak (JMS) telah menyekat penyelidik arkeologi dari negara Barat manakala jawatan kurator yang sebelum itu disandang oleh Tom Harrison (bersara pada tahun 1966) telah beralih kepada rakyat tempatan (Gregory & Noria 2020). Kebanyakan penyelidikan arkeologi selepas itu tertumpu kepada tapak yang berpotensi dengan kajian susulan di tapak-tapak yang telah dikaji sebelumnya oleh Tom Harrison (Gregory & Noria 2020; Nur Auni 2018). Semasa Ipoi Datan berkhidmat sebagai kurator Muzium Sarawak pada tahun 2009 hingga 2019, beliau banyak menjalin kerjasama dengan ahli akademik dari dalam dan luar negara dalam menjalankan penyelidikan-penyelidikan arkeologi di Sarawak (Gregory & Noria 2020).

Selain kerja-kerja penyelidikan arkeologi, JMS turut menjalankan aktiviti konservasi terhadap koleksi artifak arkeologi dalam simpanan dan pameran muzium. JMS juga bertanggungjawab dalam menjalankan kerja-kerja konservasi termasuk pembersihan serta pembinaan fasiliti tapak-tapak arkeologi yang menjadi tumpuan aktiviti pelancongan antaranya tapak Santubong, Kompleks Gua Niah dan Gua Sireh (Nur Auni et al. 2018). Di samping itu, sebahagian besar hasil penyelidikan arkeologi dan etnografi di bawah penyeliaan JMS turut diterbitkan dengan terperinci melalui penerbitan Jurnal Muzium Sarawak (Gregory & Noria 2020; Hamid 2014; Nur Auni 2018).

Muzium Sarawak kekal sebagai satu-satunya muzium di Kepulauan Borneo sehinggalah Muzium Sabah dibangunkan pada tahun 1965 (Dellios 1999). 18 tahun selepas itu, beberapa buah muzium lain mula dibangunkan di Sarawak, antaranya Dewan Tun Abdul Razak yang dibuka pada tahun 1983 dengan mempamerkan warisan sejarah negeri dari zaman

prasejarah hingga zaman kemerdekaan. Perkembangan muzium di Sarawak kemudiannya diikuti dengan pembangunan muzium-muzium di daerah yang mempamerkan warisan budaya kumpulan etnik yang mendiami daerah tersebut antaranya muzium yang dibina di Bau, Sibul, Kapit, Niah (muzium arkeologi), Limbang dan Baram (Nur Auni et al. 2018).

Sabah

Seperti di Semenanjung Malaysia dan Sarawak, sejarah penelitian dan penyelidikan arkeologi di Sabah adalah seiringan dengan pembangunan institusi muzium, namun bermula agak lewat iaitu apabila bermulanya penyelidikan arkeologi oleh Tom dan Barbara Harrison pada tahun 1952 (Chia 2016; Zainuddin & Nelly 2019). Walau bagaimanapun, amalan permuziuman di Sabah telah wujud sejak *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) bertapak dengan rekod terawal yang menyebut tentang cadangan untuk mewujudkan muzium di Sandakan pada tahun 1886 oleh D. D. Daly dan dikenali sebagai British North Borneo Museum. Muzium tersebut telah ditadbir oleh urus setia BNBCC namun hanya dapat beroperasi sehingga tahun 1905 apabila premisnya diambil alih untuk dijadikan pejabat percetakan, manakala semua koleksinya telah dibawa ke ibu pejabat Syarikat di London (Lester 2010).

Sehubungan itu, muzium telah ditutup di Sabah selama dua dekad sehingga tahun 1925 apabila sebuah bangunan disediakan untuk keperluan muzium dengan kurator kehormatannya iaitu Encik H.G Keith. Walau bagaimanapun, serangan bom oleh pihak Bersekutu ketika Perang Dunia Kedua yang tercetus pada tahun 1942 hingga 1945 telah memusnahkan semua koleksi muzium di Sandakan. Situasi ini memperlihatkan usaha untuk memperkembangkan muzium di Sabah seringkali menimbulkan halangan kerana tumpuan kerajaan kolonial ketika itu adalah untuk menjalankan kerja-kerja pembangunan semula yang terkesan teruk akibat peperangan (Dellios 1999; Lester 2010). Namun, pihak BNBCC masih lagi optimis dalam hasrat untuk membangunkan muzium di Sabah agar tidak terhenti begitu sahaja melalui cadangan semula pembangunan '*North Borneo Museum*' yang dikemukakan pada tahun 1947 (Lester 2010). Gabenor kerajaan Borneo Utara iaitu E.F Twining (Sir Edward Twining), telah mengeluarkan arahan agar suatu pertubuhan dibangunkan untuk menjaga harta intelektual di tanah jajahan mereka di samping mengendali sebuah muzium dan arkib (Lester 2010). Sehubungan itu, seorang bekas pegawai Syarikat Berpiagam Borneo Utara iaitu G.C. Wolley merupakan antara salah seorang yang telah dilantik oleh E.F Twining untuk menghasilkan laporan agar Yayasan Pembangunan dan Kebajikan Kolonial (*Colonial Development and Welfare Fund*) memberikan peruntukan dana untuk pembinaan muzium. Laporan tersebut siap pada November 1947, namun G.C. Wolley meninggal dunia sebulan selepas itu, manakala perancangan untuk pembangunan muzium tidak dapat diteruskan (Lester 2010).

Sepanjang perkhidmatan G.C. Wolley bersama Syarikat Berpiagam Borneo Utara, beliau sentiasa menjelajah ke pelosok Sabah untuk tugas survei serta menyelesaikan permasalahan masyarakat peribumi tempatan antaranya berkaitan hal adat istiadat sehingga menimbulkan minat beliau terhadap penduduk peribumi Sabah (Appell 2008). Beliau telah mengumpulkan pelbagai jenis koleksi artifak, buku dan piring negatif (sejenis filem negatif fotografi) (Appell 2008; Lester 2010). Kebanyakan koleksi G.C. Wolley disimpan di perpustakaan urus setia sementara menunggu tertubuhnya Persatuan Borneo Utara. Namun beliau meninggal dunia pada Disember 1947 dan sempat mewasiatkan agar koleksi beliau diserahkan untuk kegunaan Persatuan Borneo Utara yang pada asalnya dirancang untuk dijadikan sebuah institusi, sementara menunggu muzium dibangunkan ketika itu. Koleksi G.C. Wolley merupakan asas penting dalam penubuhan *Sabah Society* atau Pertubuhan Sabah pada tahun 1950. Ahli Persatuan Sabah berusaha untuk menyimpan koleksi G. C. Wolley di tempat yang sesuai iaitu di muzium tetap.

Walaupun terdapat banyak sumber rujukan yang membincangkan mengenai penyelidikan arkeologi di Sabah melibatkan penemuan arkeologi, kerja-kerja lapangan

arkeologi dan perbincangan mengenai tapak dan artifak yang ditemui antaranya yang dijalankan oleh Peter Bellwood (tahun 1980-an), Universiti Sains Malaysia sejak awal 1990-an dan dari Universiti Malaysia Sabah sejak tahun 2003 (Zainuddin & Nelly 2019), namun sumber maklumat atau rujukan (penerbitan) yang membincangkan secara khusus mengenai penglibatan dan peranan Muzium Sabah dalam penyelidikan arkeologi adalah terhad. Justeru, sumber penerbitan berkaitan penyelidikan arkeologi Sabah dirujuk bagi meneliti kandungan teks penerbitan-penerbitan tersebut yang menyebut mengenai Muzium Sabah sama ada secara langsung dan tidak langsung, bagi mengenal pasti peranan muzium dan konteks penyelidikan arkeologi di Sabah.

Pada tahun 1952, penyelidikan arkeologi di Sabah yang bermula dengan penglibatan Tom dan Barbara Harrison dalam penerokaan gua-gua di sekitar Sabah telah menyumbang kepada pertambahan koleksi. Hal ini menimbulkan desakan untuk pembangunan muzium bagi menempatkan khazanah budaya Sabah yang lain (Tom & Barbara Harrison 1969; 1970; Appell 2008). Dengan usaha Persatuan Sabah, kerajaan telah mendapatkan sebuah tempat untuk dijadikan muzium sementara di tingkat dua rumah kedai jalan Gaya, Kota Kinabalu pada tahun 1965 dengan hampir 90 peratus pameran muzium merupakan koleksi G.C. Wolley (Dellios 1999; Lester 2010). Bermula dengan penemuan tengkorak di Gua Madai semasa berlangsungnya kerja lapangan oleh Jabatan Kaji Bumi, pentadbiran jabatan tersebut sedar akan keperluan untuk mewujudkan satu bahagian yang sesuai dalam mengkaji hal-hal berkaitan arkeologi (Lester 2010). Sehubungan itu, Michael Chong On Pin (pernah memegang jawatan sebagai pemangku kurator Muzium Sabah pada tahun 1984), telah dilantik untuk memegang jawatan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal tersebut dan telah dihantar berkursus di Muzium Sarawak dari tahun 1962 sehingga 1965.

Selepas pembukaan Muzium Sabah pada tahun 1965, Bahagian Arkeologi merupakan salah satu unit yang menjalankan fungsi muzium selain Etnologi, Sejarah, Fotograf dan Ilmu Kejadian (Lester 2010). Bahagian Arkeologi bertanggungjawab untuk memungut, merekod, mendokumentasi, menyimpan dan menginterpretasi artifak-artifak yang diperolehi melalui penyelidikan arkeologi melibatkan aktiviti ekskavasi termasuk ekskavasi penyelamatan (Dius 2011). Di samping itu, Bahagian Arkeologi turut mengenal pasti taburan tapak-tapak arkeologi darat dan maritim di Sabah bagi menjalankan kajian lanjutan (Dius 2011).

Jabatan Muzium Negeri Sabah (JMNS) menjalankan kajian secara berterusan sama ada terhadap koleksi yang diperolehi, serta terhadap bidang-bidang lain yang berkaitan dengan fungsi dan matlamat Muzium Sabah mengikut keperluan semasa (Dius 2011). Penyelidikan tersebut dijalankan sama ada oleh staf muzium sendiri atau dengan kerjasama institusi lain atau orang perseorangan. Dalam konteks ini, penyelidikan arkeologi di Sabah (selepas Tom dan Barbara Harrison) yang dijalankan oleh JMNS secara langsung adalah kajian dan penelitian data serta tapak arkeologi pada tahun 1972 oleh Madaleine Piper yang merupakan staf JMNS, dan turut bertanggungjawab dalam melatih para staf JMNS dalam menjalankan aktiviti penyelidikan arkeologi yang lebih sistematik. Hasilnya, sehingga tahun 1978, JMNS menjalankan sendiri penyelidikan arkeologi antaranya di Tingkayu, Gua Madai, Batu Tulug dan Gua Tapadong (Zainuddin & Nelly 2019). Pada tahun 1980-an, aktiviti penyelidikan arkeologi diteruskan oleh Peter Bellwood dengan tumpuan di kawasan Pantai Timur Sabah yang memperlihatkan kerjasama dengan *Australia National University*, Canberra (ANU) manakala staf-staf daripada JMNS membantu dalam kerja-kerja penyelidikan tersebut (Zainuddin & Nelly 2019).

Bermula tahun 1993, JMNS telah menjalin kerjasama dengan penyelidik-penyelidik dari Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia (PPAG USM) dalam menjalankan kajian arkeologi di Sabah melalui penglibatan oleh Mokhtar Saidin di Tingkayu dan Stephen Chia di Bukit Tengkorak (Zainuddin & Nelly 2019). Hal ini demikian kerana, segala hal ehwal warisan budaya negeri Sabah termasuk arkeologi adalah di bawah

penguatkuasaan kerajaan tempatan melalui JMNS, menjadikan segala aktiviti penyelidikan arkeologi di negeri Sabah haruslah melalui JMNS, serta dalam masa yang sama perlu melibatkan penyertaan JMNS dalam sebarang penyelidikan arkeologi (Lester 2010). Sehingga kini, penglibatan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) Universiti Sains Malaysia (USM) adalah sangat signifikan dengan penyelidikan arkeologi di Sabah yang telah turut melahirkan beberapa pelajar ijazah sarjana dan doktor falsafah dalam bidang arkeologi. Kesemua penyelidikan tersebut yang dijalankan melalui JMNS turut memperlihatkan penyertaan staf-staf JMNS dalam kerja-kerja lapangan terutamanya staf daripada Bahagian Arkeologi.

Tahun-tahun seterusnya menyaksikan perkembangan dalam pembangunan muzium-muzium lain di Sabah sama ada pembinaan muzium baru (antaranya Muzium Peradaban Islam, Muzium Komuniti Pogunon, Muzium Antanon dan sebagainya), atau kediaman lama yang mempunyai nilai sejarah yang kemudiannya dijadikan muzium oleh Jabatan Muzium Sabah (antaranya Rumah Agnes Keith, Muzium Warisan Keningau dan Muzium Tun Sakaran) (Jabatan Muzium Sabah 2023). Penyelidikan arkeologi yang dijalankan di Agop Batu Tulug serta Bukit Tengkorak di Sabah turut membawa kepada pembinaan galeri arkeologi bagi mempamerkan maklumat serta koleksi penemuan arkeologi di tapak tersebut. Selain PPAG USM, JMNS turut menjalinkan kerjasama dengan JWN dalam penyelidikan arkeologi di Bukit Tengkorak sehingga terbangunnya Galeri Arkeologi Bukit Tengkorak dengan peruntukan dana yang diperoleh daripada kerajaan persekutuan. Tahun 2003 hingga 2004 pula memperlihatkan jalinan kerjasama antara JMNS dengan Jabatan Muzium dan Antikuiti (Semenanjung Malaysia) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris dalam menjalankan kajian arkeologi bawah air yang merupakan penyelidikan utama oleh penyelidik daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS) (Zainuddin & Nelly, 2019). Sehingga tahun 2015 juga, Unit Penyelidikan Arkeologi Borneo (UPark) dari UMS terus aktif dalam beberapa siri penyelidikan arkeologi di Pulau Bangi, Kimanis dan Long Pasia (Zainuddin & Nelly 2019).

Salah satu sebab berlangsungnya jalinan kerjasama antara JMNS dengan penyelidik-penyelidik daripada universiti ini adalah disebabkan oleh JMNS tidak mempunyai staf dengan kepakaran dalam bidang arkeologi. Walau bagaimanapun, JMNS tetap menjalankan inisiatif terhadap pembangunan sumber manusia dengan menghantar staf Bahagian Arkeologi menghadiri kursus-kursus berkaitan arkeologi sama ada di dalam dan luar negara (Dius 2011; Zainuddin & Nelly 2019; John Sen temu bual 8 Julai 2022). Staf-staf daripada Bahagian Arkeologi JMNS pula turut terlibat secara langsung dengan kerja-kerja penyelidikan arkeologi di lapangan sama ada ekskavasi arkeologi atau konservasi tapak, serta kerja-kerja konservasi artifak arkeologi yang ditempatkan di bahagian penyimpanan di muzium. Di samping itu, selain menyokong usaha penyelidikan di tapak-tapak arkeologi di Sabah dengan kerjasama penyelidik-penyelidik universiti, JMNS juga dilihat komited dalam membangunkan tapak-tapak arkeologi di Sabah melalui pembangunan muzium di tapak Agop Batu Tulug di Kinabatangan dan Bukit Tengkorak di Semporna (Chia 2003; 2016).

Peranan dan Penglibatan Muzium dengan Warisan Arkeologi Sebelum dan Selepas Penubuhan Jabatan Warisan Negara

Selepas pembentukan negara Malaysia pada 1963 melalui penyertaan Sabah dan Sarawak, segala aktiviti arkeologi termasuk kerja pemeliharaan tapak-tapak arkeologi adalah dibawah penyeliaan Jabatan Muzium bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia manakala Sabah dan Sarawak pula mempunyai enakmen dan program tersendiri untuk tujuan tersebut. Dalam struktur organisasi Jabatan Muzium ketika itu, arkeologi terletak di bawah Divisyen Benda Purba yang turut merangkumi Bahagian Monumen dan Makmal Pemuliharaan. Bahagian ini dibahagikan kepada tiga sub-sekseyen dengan setiap sekseyen diketuai oleh seorang kurator: Arkeologi Prasejarah, Projek Arkeologi Lembah Bujang, dan Arkeologi Bawah Air (Adi 1987).

Aktiviti utama jabatan melibatkan ekskavasi penyelamatan (*rescue excavation*) dan ekskavasi penuh (*full-scale excavation*), seperti di Lembah Bujang. Walaupun banyak tapak berpotensi ditemui, kekangan termasuk kekurangan staf dan dana telah menghadkan operasi (Adi 1987).

Jabatan Muzium juga mengawal dan menyelia semua aktiviti ekskavasi arkeologi dan pemeliharaan tapak di Semenanjung Malaysia seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Bendapurba 1976, yang merupakan versi pindaan kepada Ordinan Bendapurba dan Harta Karun 1957. Berdasarkan peruntukan akta tersebut, semua penyelidikan arkeologi memerlukan kebenaran rasmi daripada Ketua Pengarah Jabatan Muzium, selain permit penyelidikan dari Unit Penyelidikan Sosio-ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Sebarang aktiviti penggalian tanpa kebenaran dianggap sebagai kesalahan serius yang boleh dikenakan denda, hukuman penjara, atau kedua-duanya sekali (Adi 1987).

Pada tahun 1978, Jabatan Muzium yang sebelum itu terletak di bawah portfolio Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan (kementerian yang bertanggungjawab terhadap penjagaan warisan negara), telah ditukarkan sementara ke bawah portfolio Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Adi 1987; JMM 2022). Namun pada tahun 1987, Jabatan Muzium telah dipindahkan kepada portfolio Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (bertukar nama kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, dan bertukar sekali lagi kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia pada tahun 1992) (JMM 2022). Pada tahun 1993, Jabatan Muzium dan Antikuiti telah ditubuhkan secara rasmi menggantikan nama Jabatan Muzium, manakala pada tahun 2006 pula nama jabatan tersebut ditukarkan sekali lagi sebagai Jabatan Muzium Malaysia (JMM).

Berhubung dengan Akta Bendapurba 1976 dan Akta Harta Karun 1957 pula, kedua-dua akta tersebut dilihat menimbulkan isu apabila berlakunya pertindihan kuasa antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Antara isu yang berbangkit tersebut adalah daripada segi tanah yang berada dalam Senarai Kerajaan Negeri yang menyukarkan pihak Kerajaan Persekutuan untuk melakukan kerja-kerja pemuliharaan warisan budaya kerana keterbatasan bidang kuasa (Mohd Yuszaidy et al. 2010). Di samping itu, Kerajaan Negeri pula tidak mempunyai kepakaran dalam bidang pemuliharaan.

Bagi mengatasi isu tersebut, Kerajaan Pusat melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah mengusulkan pindaan rang undang-undang mengenai pemuliharaan warisan dengan memasukkannya dalam Senarai Bersama. Sehubungan itu, Jabatan Warisan Negara (JWN) telah ditubuhkan pada tahun 2006 di samping pengenalan Akta Warisan Kebangsaan 2005 yang menggantikan Akta Bendapurba 1976 dan Akta Harta Karun 1957. Akta ini menetapkan warisan sebagai tanggungjawab bersama kerajaan persekutuan dan negeri. Hal ini secara langsung menjadikan warisan adalah di bawah bidang kuasa perundangan bersama antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan (Mohd Yuszaidy et al. 2010). Pengurusan bidang warisan budaya melibatkan arkeologi dan antikuiti yang sebelum itu berpandukan kepada dasar-dasar dan peraturan yang diperkenalkan oleh JMM sejak tahun 1963 telah diambil alih oleh JWN. JWN secara rasminya telah berfungsi untuk menguruskan warisan negara termasuk warisan arkeologi terutamanya dalam aspek pelesenan, pendaftaran dan penguatkuasaan warisan budaya.

Hal ini telah memberikan implikasi terhadap peranan JMM yang semakin mengecil apabila tidak dilibatkan dengan kerja-kerja pembangunan pemuliharaan dan penguatkuasaan seperti sebelumnya. Bidang kuasa JMM adalah hanya memberi tumpuan mengurus muzium-muzium dibawahnya, melaksanakan dasar-dasar permuziuman seperti pameran, penyelidikan permuziuman, dan memberi bantuan teknikal kepada muzium-muzium negeri (Hamid 2014; Mohd Yuszaidy et al. 2010). Selain berperanan dalam menjalankan kerja-kerja pengumpulan, pemuliharaan dan pengekalan sejarah, budaya dan alam semulajadi negara, objektif JMM juga adalah ‘menyebarkan ilmu pengetahuan melalui aktiviti pameran, program-program pendidikan dan pengembangan muzium’ (JMM 2022). Objektif tersebut menunjukkan bahawa

muzium berperanan sebagai medium pendidikan di samping melibatkan masyarakat dengan perkembangan dan pembangunan muzium. Sarawak mempunyai undang-undang tersendiri iaitu Ordinan Warisan Budaya Sarawak 1993 yang memberi kuasa mutlak kepada JMS terhadap tanggungjawab dalam mengurus serta memelihara objek dan dokumen warisan budaya Sarawak. Walau bagaimanapun, JMS turut menjalinkan kerjasama, di samping mendapat peruntukan dana daripada kementerian di bawah kerajaan persekutuan yang berkaitan dengan hal ehwal warisan serta Jabatan Muzium Negara, dalam memastikan kelestarian terhadap aktiviti dan perkhidmatan permuziuman seperti program muzium, penyelidikan dan ekskavasi arkeologi yang dijalankan di Sarawak (Nur Auni et al. 2018; Rahah 2006).

Seperti juga di Sarawak, aspek pengurusan dan pemuliharaan warisan bagi negeri Sabah yang turut melibatkan warisan arkeologi adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Muzium Negeri Sabah melalui peruntukan perundangan Rang Undang-Undang Negeri Sabah, melibatkan Enakmen Warisan Budaya 1977 dan Enakmen Barang-Barang Kuno dan Harta Karun 1977 (Pindaan 2006) (Zainuddin 2018). Oleh yang demikian, penyelidikan arkeologi di Sarawak dan Sabah sehingga kini haruslah melalui jabatan muzium negeri masing-masing, berbeza dengan di Semenanjung Malaysia yang perlu memperoleh kelulusan terlebih dahulu daripada JWN.

Muzium-muzium di Semenanjung Malaysia kini masih lagi terlibat dengan kerja-kerja penyelidikan arkeologi namun tidak seaktif seperti sebelum tahun 1970-an. Kebanyakan kerja-kerja penyelidikan arkeologi oleh muzium-muzium di bawah pentadbiran JMM atau kerajaan negeri adalah dengan kolaborasi penyelidik daripada universiti, atau dengan penyelidik tempatan dan antarabangsa. Hal ini disebabkan oleh kekurangan kepakaran arkeologi dalam kalangan kakitangan di jabatan-jabatan muzium tersebut, termasuk Jabatan Muzium Sarawak dan Jabatan Muzium Negeri Sabah yang walaupun mempunyai tanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan sumber arkeologi, namun masih bergantung kepada kepakaran daripada luar institusi mereka dalam sesuatu kerja penyelidikan arkeologi (Mohd Nasrulamiazam temu bual 6 Februari 2022; John Sen temu bual 8 Julai 2022; Encik Peter Molijol temu bual 8 Julai 2022; Mohd Sherman temu bual 4 Ogos 2022; Noridayu Bakry temu bual 5 Oktober 2022). Peranan muzium-muzium pada masa kini lebih tertumpu ke arah aspek pendedahan warisan arkeologi kepada masyarakat umum dengan pelbagai kaedah atau amalan seperti persembahan kandungan arkeologi melalui pameran di muzium, aktiviti interaktif berasaskan arkeologi di muzium, menyediakan perkhidmatan dan program jangkauan berkaitan arkeologi serta amalan libat-sama awam (melibatkan orang awam dalam pembangunan pelbagai bentuk kandungan berkaitan arkeologi).

Kesimpulan

Pembangunan muzium di dunia mempunyai latar belakang yang sangat lama bermula sejak sebelum Masihi sehingga melewati zaman klasik dan moden. Definisi serta konsep muzium turut mengalami perubahan, sesuai dengan fungsinya dalam konteks semasa. Perkembangan muzium arkeologi pula bermula dengan pengumpulan barangan antikuiti di Eropah, seiringan dengan perluasan kuasa kolonial ke negara-negara jajahan. Muzium arkeologi dalam konteks moden memperlihatkan peranannya sebagai pusat pengumpulan, pemeliharaan dan penyelidikan objek atau budaya material untuk dipersembahkan kepada masyarakat umum bagi tujuan pendidikan dan hiburan kepada orang awam. Di samping itu, muzium arkeologi juga dilihat mempunyai peranan yang signifikan dalam mencapai pelbagai agenda politik dan pembinaan negara bangsa.

Di Malaysia, pembangunan muzium moden merupakan produk kolonialisasi yang mula berkembang hasil daripada penyelidikan arkeologi oleh pegawai kolonial Barat. Seterusnya,

penubuhan muzium pertama di Tanah Melayu serta di Sabah dan Sarawak memfokuskan kepada sejarah semulajadi, etnografi, arkeologi dan budaya, di samping menjadi sebagai alat propaganda untuk memperlihatkan sumbangan pihak kolonial dalam membangunkan tanah jajahan termasuk pembangunan infrastruktur fizikal yang lain. Definisi serta konsep muzium dalam perspektif di Malaysia sejak 1974 juga mengalami perubahan sehingga akhirnya mengguna pakai definisi yang digariskan oleh ICOM.

Latar belakang penyelidikan arkeologi di Malaysia pula mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan penubuhan awal muzium. Hal ini demikian kerana, muzium memainkan peranan penting dalam menjalankan penyelidikan-penyelidikan arkeologi di Tanah Melayu (semenanjung), Sabah dan Sarawak sejak sebelum merdeka. Penubuhan muzium di Malaysia adalah selari dengan perkembangan penyelidikan arkeologi, yang juga memperlihatkan peranan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam kerja-kerja penyelidikan, pemeliharaan dan pemuliharaan tapak-tapak arkeologi serta penyelenggaraan koleksi arkeologi. Di Semenanjung Malaysia, peranan JMM masih lagi signifikan dalam kerja-kerja penyelidikan arkeologi sehinggalah penubuhan Jabatan Warisan Negara pada tahun 2006 yang memperlihatkan peranan JMM semakin mengecil dalam kerja-kerja pembangunan pemuliharaan dan penguatkuasaan sumber arkeologi. Walau bagaimanapun, jabatan muzium di Sabah dan Sarawak mempunyai kuasa mutlak ke atas pengurusan dan pemuliharaan objek dan dokumen warisan budaya negeri masing-masing kerana mempunyai ordinan yang tersendiri. Selain itu, peranan kebanyakan muzium-muzium di Malaysia dengan arkeologi pada kini adalah tertumpu kepada pelbagai kaedah atau amalan dalam pendedahan warisan arkeologi kepada masyarakat umum, manakala penglibatan dengan kerja-kerja penyelidikan arkeologi adalah lebih terhad (terutamanya bagi muzium-muzium di Semenanjung Malaysia), di samping terdapatnya kebergantungan terhadap kepakaran arkeologi daripada luar institusi muzium tersebut.

Penghargaan

Penulis-penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kakitangan Jabatan Muzium Malaysia terutamanya Encik Mohd Nasrulamiazam Bin Mohd Nasir dari Muzium Negara, Encik John Sen Wui Kong dan Encik Peter Molijol dari Jabatan Muzium Negeri Sabah, Encik Mohd Sherman Bin Sauffi dari Jabatan Muzium Sarawak, serta Cik Noridayu Bakry dan Dato' Ahmad Farid Abdul Jalal dari Perbadanan Muzium Negeri Pahang di atas kerjasama dan bantuan terutamanya daripada segi informasi yang diberikan sebagai input terhadap penulisan makalah ini.

Rujukan

- Abt, J. (2006). The origins of the public museum. *A companion to museum studies*, 115-134.
- Abu Talib Ahmad. (2015). Museums in the Northern Region of Peninsula Malaysia and Cultural Heritage. *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*, 22(2). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, Penang.
- Abu Talib Ahmad. (2008). State Museums and Their Representations of the Past in Malaysia. *Journal Of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 45-70.
- Adi Haji Taha. (1987). Archaeology in Peninsular Malaysia: Past, Present and Future. *Journal of Southeast Asian Studies*, 18, pp 205-211.
- Ahmad Farid Abd Jalal, Abdullah Yusuf, Ahmad Faisal Abd Hamid & Rahimin Affandi Abd Rahim. (2019). Kesedaran Muzium Baru Di Malaysia. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 93-111.

- Ahmad Farid Abd Jalal, Awang Azman Awang Pawi dan Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2020). Konsep Muzium Baru: Analisis Kritikal Pemikiran Kolonial Terhadap Bangsa Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 3(1), 122-147.
- Ahmad Hakimi bin Khairuddin (1992). Early prehistoric archaeological researches in peninsula Malaysia up to World War II. *Malaysia dari segi Sejarah*, Number 20: 59-64.
- Appell, G. N. (2008). The Strange Case of the Missing Village Rights to Land: G.C. Woolley's Compilation of Customary Law in the Colony of North Borneo. *Borneo Research Bulletin*, 39, 239.
- Badrul Isa dan Zuraimi Zakaria. (2007). Museums and Education: Theoretical Approaches and Implications for Asian Universities. *Asian Journal of University Education, Faculty of Education*, Vol. 3, No. 1, pp. 93 – 110
- Barker, A. W. (2010). Exhibiting Archaeology: Archaeology and Museums. *Annual Review of Anthropology*, 39(1), 293-308.
- Bouchenaki, M. (2024). Heritage Preservation in Bamiyan: Achievements 2002–21. *Cultural Heritage and Development in Fragile Contexts: Learning from the Interventions of International Cooperation in Afghanistan and Neighboring Countries* (pp. 17-28). Cham: Springer Nature Switzerland.
- Chia, S. 2003, The Prehistory of Bukit Tengkorak as a Major Prehistoric Pottery Making site in Southeast Asia, Sabah Museum Monograph, vol. 8, Kota Kinabalu, Malaysia.
- Chia, S. (2016). History of Archaeology in Sabah. In P.K. Lim (Ed), *North Borneo: A Collective History* (pp.13-24). Kota Kinabalu: Opus Publications.
- Chia, S. (2017). A History of Archaeology in Malaysia. In J. Habu, J. Olsen, & P. Lape (Eds.), *Handbook of East and Southeast Asian archaeology*. New York: Springer.
- Chia, S. (2018). Sejarah dan Perkembangan Arkeologi di Malaysia: Isu, Cabaran dan Masa Depan. Dalam *Siri Syarahan Umum Pelantikan Profesor*. USM: Penerbit USM.
- Dellois, P. (1999). *The museum as artefact: Made in Malaysia (Tesis Kedoktoran)*. James Cook University of North Queensland.
- Dius Bin Kubud. (2011). Muzium Sabah Di Alaf Baru 1990 – 2010 (*Latihan Ilmiah Sarjana Muda*). Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Findlen, P. (2019). The Museum: Its Classical Etymology and Renaissance Genealogy. *Grasping the World* (pp. 159-190). Routledge.
- Gregory Kiyai @ Keai & Noria Tugang. 2020. Jabatan Muzium Sarawak: Perkembangan Sebelum dan Selepas Merdeka. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, April 2020, Vol. 33, No.1, hlm. 41-48.
- Hamid Isa. (2014). Muzium Di Malaysia: Antara Mendepani Cabaran dan Pemerkasaan Jiwa. *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-3 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hooper-Greenhill, E. (2007). *Museums and Education: Purpose, Pedagogy, Performance (Museum Meanings)*. New York: Routledge
- Kaplan, F. E. S. (2006) Making and Remaking National Identities. In Sharon Macdonald (ed.), *A Companion to Museum Studies*, pp. 152-169. USA, UK, Australia: Blackwell Publishing Ltd
- Kelly, L. (2006). Museums as Sources of Information and Learning: The Decision-Making Process. *Open Museum Journal*, 8, 1-19.
- Leong, S. H. (1980). Archaeology in Peninsular Malaysia (1976–79). *Indonesia Circle. School of Oriental & African Studies. Newsletter*, 8(22), 73–78.
- McLean, F. (1998). Museums and the Construction of National Identity: A review. *International Journal of Heritage Studies*, 3(4), 244-252.
- Merriman, N. (2010). The Role of Museums. *Archaeology II. Paris: UNESCO-EOLSS*, pp. 271-287

- Merriman, N. (2004). Involving the Public in Museum Archaeology. *Public Archaeology* (pp. 99-122). Routledge.
- Mohd Syafiq Zaini, Mohd Sohaimi Esa, Saifulazry Mokhtar, & Sharifah Darmia Sharif Adam. (2022). Perkembangan Institusi Muzium Eropah dalam Mempengaruhi Kewujudan Muzium di Malaysia. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 7 (29), 260-280.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah & Ab. Samad Kechot. (2010). Pembangunan Warisan di Malaysia: Tinjauan Umum Tentang Dasar. *Jurnal Melayu* (5) 2010: 277-283.
- Nur Auni Ugong, Bilcher Bala dan Baszley Bee Basrah Bee. (2018). Melestarikan Pengurusan dan Institusi Pemuziuman Borneo: Pengalaman Sarawak. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)* Vol. 3(2), Disember, 2018, hlm. 73-103.
- Nur Auni Ugong. (2018). Penyelidikan Arkeologi Versus Penerbitan: Pengalaman Sarawak. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)* Vol. 2(1), Edisi Khas, Jun, 2018, hlm. 149-157.
- Pudney, C. (2019). Instrumentalised Public Archaeology: Cease and Desist? In C. Pudney, H. Williams, & A. Ezzeldin (Eds.), *Public Archaeology: Arts of Engagement* (pp. 109–124). Archaeopress.
- Rahah Hasan. (2006). Management Practices in Two of the Oldest Museums In Malaysia. *Intercom*, 1-11.
- Smith, M. L. (2000). Archeology, Museum and the Creation of National Identity in the Indian Subcontinent. *The Entangled Past: Integrating History and Archaeology*. Calgary: University of Calgary, Department of Archaeology.
- Suresh Narayanan, Nasha Rodziadi Khaw, Esnita Sonie, Nurulamani Rosman, Nor Hidayah Ahmad, Fadly Jusoh, Sairul Ramle & Shyeh Sahibul Karamah Masnan. (2020). Survei Arkeologi Dan Penemuan Terkini Di Sepanjang Sungai Tembeling Dan Sungai Sepia, Ulu Tembeling, Pahang. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 33(2). Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia.
- Swain, H. (2007). *An Introduction to Museum Archaeology*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Williams, K. J. (2017). *Antiquarianism: A Reinterpretation*. *Erudition and the Republic of Letters*, 2(1), 56-96.
- Yunus Sauman@Sabin & Wan Noorlizawati Wan Mat Ali. (2010). *Kajian dan Dokumentasi Tapak-tapak Arkeologi dan Tapak Tanah Bersejarah Di Perak. (Laporan Penyelidikan)*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zainuddin Baco & Nelly Majinus. (2019). Sejarah Penyelidikan dan Inventori Data Arkeologi Sabah. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)* Vol. 4(1), Disember, 2019, hlm. 161-185.
- Zainuddin Baco. (2018). Cabaran Pengurusan Warisan Bina Bandar di Bandaraya Kota Kinabalu (1881-2012). *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)* Vol. 2(1) Edisi Khas, Jun, 2018, hlm. 115-134.
- Zuraina Majid. (2003). *Archaeology in Malaysia. Arkeologi di Malaysia*, Edisi Dwibahasa, Pulau Pinang, Malaysia: Universiti Sains Malaysia: Pusat Penyelidikan Arkeologi Global.

Sumber Internet

- Inexhibit. Diakses pada 2 Disember 2022 dari: <https://www.inexhibit.com/specials/museums-archaeology-archaeological-sites-around-world/>
- International Council of Museum (ICOM). (2007). Diakses pada 20 Mei 2022 dari: <http://icom.museum/the-vision/museum-definition/>

International Council of Museum (ICOM). (2007). Diakses pada 20 Mei 2022 dari:
<http://icom.museum/the-vision/museum-definition/>
Jabatan Muzium Malaysia. (2022). Program 2022. Diakses pada 13 Julai 2023 dari:
<http://www.jmm.gov.my/files/Program%202022.pdf>
Jabatan Muzium Malaysia. (2024). Permuziuman. Diakses pada 10 November 2024 dari:
<http://www.jmm.gov.my/ms/permuziuman>
Jabatan Muzium Sabah. (2023). Museums & Historical Sites. Diakses pada 20 Ogos 2023 dari
<https://museum.sabah.gov.my/>

Temu bual

Encik Peter Molijol, temu bual 8 Julai 2022
John Sen, temu bual 8 Julai 2022
Mohd Nasrulamiazam, temu bual 6 Februari 2022;
Mohd Sherman, temu bual 4 Ogos 2022
Noridayu Bakry, temu bual 5 Oktober 2022